



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education
Ordinary Level (2025)**

**Literature in Malay
Kesusasteraan Melayu
(Syllabus 2032)**

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
TUJUAN	3
OBJEKTIF PENILAIAN	3
FORMAT PEPERIKSAAN	4
JADUAL PENGKHUSUSAN	5
SENARAI TEKS UNTUK PEPERIKSAAN	6

TUJUAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2019 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa, pelajar berupaya untuk:

- (a) membina keupayaan membaca, memahami dan memberikan respons secara kritis terhadap karya sastera sebagai **Pembaca yang Reflektif** dan **Pelajar yang Kritis**;
- (b) menanam minat terhadap sastera sebagai **Penyemarak Kesusasteraan Asia**;
- (c) menyemaikan sikap apresiasi terhadap sumbangan kesusasteraan Melayu kepada pembangunan budaya, nilai-nilai estetik dan spiritual manusia dan masyarakat dengan menjadi **Pemikir yang Bersifat Global** dan **Pencipta yang Inventif**; dan
- (d) menanam minat membaca pelbagai bahan sastera secara sendiri.

OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mengenal pasti isi teks sastera berdasarkan pelbagai aspek seperti tema, perutusan atau pengajaran, persoalan, nilai, plot, watak dan perwatakan, latar dan gaya bahasa;
- (b) memilih, menyusun dan mengaplikasikan aspek sastera yang telah dipelajari;
- (c) memahami dan memetik maklumat yang relevan untuk menyokong hujah;
- (d) menganalisis dan menilai teks sastera;
- (e) membuat interpretasi tentang teks sastera; dan
- (f) memberikan respons yang sesuai terhadap teks sastera secara tersusun dan meyakinkan.

FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Peperiksaan Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

- Kertas 1: Prosa Tradisional dan Novel
- Kertas 2: Prosa Moden/Sajak dan Analisis Sastera

Kertas 1: Prosa Tradisional dan Novel – 50 markah (50%)

Kertas 1 mengandungi dua bahagian. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** soalan bagi setiap bahagian. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

(a) Bahagian A: Prosa Tradisional (25 markah)

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon dikehendaki untuk memilih **satu** soalan sahaja.

(b) Bahagian B: Novel (25 markah)

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon dikehendaki untuk memilih **satu** soalan sahaja.

Kertas 2: Prosa Moden/Sajak dan Analisis Sastera – 50 markah (50%)

Kertas 2 mengandungi dua bahagian. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** soalan bagi setiap bahagian. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 40 minit.

(a) Bahagian A: Prosa Moden dan Sajak (25 markah)

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan; prosa moden dan sajak. Calon dikehendaki untuk memilih **satu** soalan sahaja.

(b) Bahagian B: Analisis Sastera (25 markah)

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon akan diberi dua teks bebas; prosa moden dan sajak. Calon dikehendaki untuk memilih **satu** soalan sahaja.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)
1 (1 jam 30 minit)	<u>Bahagian A</u> Prosa Tradisional	Esei berstruktur	2 (1)	25 (25%)
	<u>Bahagian B</u> Novel	Esei berstruktur	2 (1)	25 (25%)
	Subtotal	-	4 (2)	50 (50%)
2 (1 jam 40 minit)	<u>Bahagian A</u> • Prosa Moden • Sajak	Esei berstruktur	2 (1)	25 (25%)
	<u>Bahagian B</u> Analisis Sastera (Teks bebas) • Prosa Moden • Sajak	Esei berstruktur	2 (1)	25 (25%)
	Subtotal	-	4 (2)	50 (50%)
	Total	-	8 (4)	100 (100%)

SENARAI TEKS UNTUK PEPERIKSAAN

1. NOVEL

Azfa Hanani (Edisi Pelajar) oleh Halis Azhan Mohd Hanafiah (Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur 2010)

2. ANTOLOGI KARYA PAHLAWAN PANGGUNG (Unggun Creative, Singapura 2018)

(a) Sajak

- Anakku oleh Mohamed Latiff Mohamed
- Tidak Senang Dengan Duduk-duduk oleh Masuri S.N.
- Kepada Pohon Tak Bernama oleh Rasiah Halil
- Manuskrip oleh Noridah Kamari
- Ke Makam Bonda oleh Usman Awang

(b) Cerpen

- Sambal Goreng Mak oleh Wan Jumaiah Mohd Jubri
- Kudrat oleh Maimunah Kemat
- Pahlawan Panggung oleh Suratman Markasan
- Nyanyuk oleh Jamal Ismail
- Dr Remaja PhD oleh Sharifah Khadijah Aljoofri
- Bintang Dua Belas oleh Farihan Bahron
- Orkidnya Sudah Menjadi oleh Khadijah Hashim
- Tika Aksara Menari oleh Djohan A. Rahman

(c) Prosa Tradisional

- Hikayat Merong Mahawangsa
- Orang Miskin dengan Kolam yang Dingin Airnya (Abu Nawas)
- Negeri di bawah Laut (Raja Suran)
- Perhubungan Melaka dengan Negeri China
- Badang dan Benderang
- Pak Pandir dengan Ikan Salai